

KENYATAAN MEDIA

24 September 2010

**KUMPULAN FABER MELAKSANAKAN TANGGUNG JAWAB SOSIAL  
DEMI KESEJAHTERAAN MASYARAKAT**

**SEMPORNA, Sabah** - Sempena menyambut bulan Syawal, Faber Group Berhad melalui anak syarikatnya Faber Medi-Serve Sdn Bhd (FMS) melaksanakan “Tanggungjawab Sosial Korporat” atau *Corporate Social Responsibility* (CSR) kepada masyarakat terutamanya kepada pesakit di Hospital Semporna, Sabah dengan menyumbangkan dana bagi mengecat Wad Pediatrik serta menyerahkan sumbangan kepada pesakit di wad tersebut. Penyerahan sumbangan ini telah di sempurnakan oleh Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW), Y.B Dato’ Seri Hj. Mohd Shafie Hj Apdal. Majlis penyerahan tersebut telah berlangsung di Hospital Semporna, Sabah pada 24 September 2010.

Sumbangan ini adalah Tanggungjawab Sosial Korporat atau CSR Kumpulan Faber sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri. Program CSR ini merupakan satu komitmen berterusan buat Kumpulan Faber dan antara program- program CSR Kumpulan Faber ialah Program Pembangunan Vendor (VDP) dimana program tersebut adalah untuk menaiktaraf pengusaha kecil dan sederhana di kalangan usahawan tempatan. Selain itu, Kumpulan Faber turut menghulurkan bantuan kepada masyarakat yang memerlukan melalui inisiatif seperti Kempen Derma Darah.

Faber Medi-Serve Sdn Bhd adalah sebuah syarikat konsesi yang menguruskan Perkhidmatan Sokongan Hospital (HSS) di 79 buah hospital kerajaan di bahagian utara Malaysia serta Sabah dan Sarawak. Faber Medi-Serve atau FMS telah bermula sejak 13 tahun yang lalu dengan menumpukan kepada 5 servis utama iaitu:

- Perkhidmatan Penyelenggaraan Kejuruteraan Fasiliti,
- Perkhidmatan Penyelenggaraan Kejuruteraan Biomedikal,
- Perkhidmatan Pembersihan,
- Perkhidmatan Linen Dan Pendobian,
- Perkhidmatan Pengurusan Sisa Klinikal

**Mengenai Perkhidmatan Sokongan Hospital (“Hospital Support Services”)**

Sejajar dengan objektif kerajaan untuk memberikan tumpuan kepada perkhidmatan perubatan dan klinikal kepada pesakit, memantapkan taraf industri kesihatan dan kualiti perkhidmatan di hospital-hospital kerajaan di Malaysia, pengurusan Perkhidmatan Sokongan Hospital (Hospital Support Services) buat pertama kalinya telah diswastakan oleh kerajaan Malaysia pada 26 Oktober 1996.

Tempoh konsesi adalah selama 15 tahun untuk FMS di Zon Utara iaitu negeri Perak, Kedah, Pulau Pinang dan Perlis serta juga di kawasan Malaysia Timur iaitu Sabah dan Sarawak.

Dengan komitmen yang padu untuk menambahbaik perkhidmatan yang disediakan, skop perkhidmatan telah diperluaskan lagi kepada “Central Management Integrated System” yang mana segala maklumat dan data berkenaan dengan perkhidmatan dan maklumat yang berkaitan dapat diakses dengan mudah dan cepat.



Ahli Kumpulan  Faber



Untuk maklumat lanjut sila hubungi:

**Faber Group Berhad**

**(syarikat induk kepada Faber Medi-Serve Sdn Bhd)**

Masela Ibrahim – Pengurus Besar, Komunikasi Korporat

DID : (03) 7628 2761 Fax : (03) 7628 2758 HP : (019) 264 6278

E-mail : [masela@fabergroup.com.my](mailto:masela@fabergroup.com.my) Website: [www.fabergroup.com.my](http://www.fabergroup.com.my)

Jazlin Hussin – Eksekutif, Komunikasi Korporat

DID : (03) 7628 2775 Fax : (03) 7628 2758 HP : (016) 324 6803

E-mail : [jazlin.hussin@fabergroup.com.my](mailto:jazlin.hussin@fabergroup.com.my) Website: [www.fabergroup.com.my](http://www.fabergroup.com.my)